

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 NOVEMBER 2015 (ISNIN)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Hujan lebat kurangkan masalah jerebu	Harian Metro
2.	Pasang pelepah kelapa hadang angin	Berita Harian
3.	All prepares for the worst	The Star
4.	Creative minds	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 34
TARIKH: 02 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

Hujan lebat kurangkan masalah jerebu

Kuala Lumpur: Hujan lebat yang melanda sejak beberapa hari lalu dilihat berjaya mengurangkan masalah jerebu teruk sejak dua bulan lalu akibat kebakaran hutan di Indonesia.

Berdasarkan kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), Semenanjung Malaysia dijangka menerima hujan pada paras purata sepanjang November ini, manakala Johor dan kawasan timur Pahang dijangka menerima jumlah hujan sedikit daripada paras purata pada bulan depan.

Ramalan itu, berikutan negara kini berada dalam monsun Timur Laut.

Bagi Sabah dan Sarawak, kebanyakan kawasan dijangka menerima jumlah hujan pada paras purata kecuali timur Sabah pada November dan Disember.

Perubahan monsun itu sekali gus menyebabkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di kebanyakan kawasan di seluruh negara mencatatkan bacaan tahap baik dan beberapa kawasan berada pada bacaan sederhana.

Sehingga jam 6 petang semalam, portal Jabatan Alam Sekitar (JAS) menunjukkan terdapat 45 kawasan berada pada bacaan baik, manakala enam kawasan mencatatkan bacaan sederhana.

Enam lokasi itu ialah Pasir Gudang, Johor dengan IPU 52, Bakar Arang, Sungai Petani (52), Bandaraya Melaka (66), Bukit Rambai (54), Cheras, Kuala Lumpur (53) dan Putrajaya (51).

IPU sifar hingga 50 dikategorikan baik, 51 hingga 100 (sederhana), 101 hingga 200 (tidak sihat), 201 hingga 300 (amat tidak sihat) dan lebih 301 (berbahaya).

Pasang pelepah kelapa hadang angin

» Penduduk siap sedia hadapi musim tengkujuh

Oleh Noor Aznida Alias
bhkt@bh.com.my

► Marang

Musim monsun yang mula melanda Pantai Timur, memaksa penduduk sepanjang pesisir pantai mula membuat persiapan awal sebagai persediaan menghadapi banjir dan ribut.

Tinjauan BH di Kampung Rusila, di sini, yang sering dilanda ribut, mendapati kebanyakan penduduk mula memasang penghadang angin yang diperbuat daripada pelepah kelapa, bagi melindungi kediaman masing-masing daripada angin kencang.

Ia bertujuan mengurangkan impak angin secara terhadap rumah mereka kerana lokasinya di tepi pantai dan terdedah kepada ancaman ribut.

Penduduk, Laila Muhammad, 44, berkata setiap kali menjelang musim tengkujuh, keluarganya

mengambil langkah berjaga-jaga dengan memasang penghadang angin bagi mengurangkan risiko kerosakan rumah dan harta benda akibat angin kencang.

"Rabu lalu, dua atap rumah tercabut diterbangkan angin. Itu adalah adalah petanda awal untuk kami membuat persiapan segera.

Bina benteng ombak daripada guni pasir

"Setakat ini kami sudah memasang 80 peratus penghadang angin dan akan diperbaiki atau diganti dari semasa ke semasa, untuk memastikan ia berkesan mengurangkan kelajuan angin.

"Selain itu, kami turut membina benteng ombak yang diperbuat daripada guni berisi pasir untuk menahan ombak daripada terus memusnahkan rumah," katanya.

Penduduk, Wan Mohd Sharif Wan Ngah, 44, berkata persediaan awal amat penting dan dia banyak belajar daripada pengalaman lalu selepas sebahagian rumahnya rosak dibadai angin kencang.

Walaupun Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan angin kencang dan hujan pada tahun ini tidak sekuat tahun lalu, beliau tetap mengambil langkah berjaga-jaga dengan memasang banyak penghadang angin dan benteng pasir untuk mengurangkan risiko kemusnahan.



Penduduk, Musa Zukifli (kanan) dan adik kembarnya, Harun Zulkifli memasang pelepah kelapa untuk menghalang angin kencang yang dijangka melanda ketika tinjauan musim tengkujuh di Kampung Rusila, Marang, semalam.

(FOTO ASWADI ALIAS/BH)

"Tidak dinafikan, setiap kali ti-

ba musim tengkujuh, kami kecut perut dan tidak lena tidur apabila mendengar tiupan angin yang kuat di telinga.

"Bagaimanapun, apa yang

mampu kami lakukan hanya sekadar berjaga-jaga dan sentiasa peka dengan keadaan cuaca yang semakin kerap hujan kebelakangan ini," katanya.

All prepared for the worst

Fire and Rescue Dept officers undergo water training as part of monsoon readiness

KUALA LUMPUR: The monsoon season is coming and the Fire and Rescue Department says it is prepared for things to go as bad as the east coast flood crisis last year.

Over the year, officers in the flood prone states of Kelantan, Pahang and Terengganu have been conducting water training in rivers to test their readiness to evacuate scores of people should water levels rise.

Fire and Rescue Department assistant director-general (Operations Division) Datuk Soiman Jahid said assets had been placed in the states in preparation for the rainy season.

"We are preparing for it to be as bad as last year. We have conducted water training for officers to be well versed in navigating floods and we have made sure our fire engines and boats are all in good working order in those states.

"And we are prepared to freeze all the leave of our officers there



Practical test: The Federal Territory Civil Defence Department personnel undergoing a Boat Handling Training at the National Defence University. — Bernama

once the **Meteorological Department** issues a red warning on flooding in the eastern states," said Soiman.

Should more manpower be needed, Soiman said firemen in Perak,

Selangor, Negri Sembilan and Johor were at the ready to be deployed to the east coast.

"But it is not only just the Bomba. This is going to be an interagency

effort with coordination with the police, military, the state government down to the district officers. We are all components for each other," he said.

In Terengganu, 700 firemen will be at the ready on 24-hour shifts come the monsoon season.

The state department will deploy 35 aluminium boats and 15 lorries for rescue and evacuation operations while officers will be placed in "flood hotspots" in Chukai, Hulu Besut, Setiu, Kuala Berang and some low lying areas in Dungun.

The Terengganu Civil Defence Department has also instructed all village heads in the state to keep authorities up to date with the latest information on the number of villagers and their conditions, so that rescue operations can be run more efficiently.

They have also advised people to prepare a "ready to go" bag filled with their important documents, diapers and milk formula if there

are infants, and any vital medication.

For Johor, firemen here have been running disaster management courses with local communities living in flood-prone areas at the Juaseh dam to prepare for the year-end rain.

On the Klang Valley, Soiman said the department was concerned of more landslide occurrences during the rainy season, due to the "weak structures" of slopes here.

He said officers have been working with residents associations in hilly areas to prepare for quick evacuations in the event of a landslide.

The national Civil Defence Department is ready to deploy 49,800 regular members and volunteers to aid flood relief operations.

Watch the video
thestar.com.my/Videos/

